# BAB KETIGA

## TAKHRĪJ ḤADĪTH ḤADĪTH RIWAYAT ḤAFṢAH (r.'a.) DI DALAM SUNAN SITTAH DAN MUWAṬṬA' IMAM MĀLIK.

# BAB KETIGA

## TAKHRĪJ HADĪTH HADĪTH RIWAYAT HAFSAH (r.'a.) DI DALAM SUNAN SITTAH DAN MUWATTA' IMAM MĀLIK.

---

Takhrīj adalah satu cabang ilmu di dalam ilmu Hadīth. Ia adalah satu bidang pengkajian yang sangat penting di dalam ilmu Hadīth, kerana dengannya seseorang pengkaji mendapat maklumat yang tepat tentang hadīth hadīth yang dikajinya dan seterusnya dapat mengesahkan kebenaran hadīth hadīth tersebut.

### 3.1. Pengertian Dan Tujuan Takhrīj.

Seperti kebanyakan perkataan ilmiah yang lain, Takhrīj mempunyai pengertian dari dua sudut ia itu dari sudut bahasa dan istilah.

Dari sudut bahasa takhrīj berasal dari perkataan خرج [100] yang bermaksud terang dan nyata. Ia digunakan kepada benda-benda yang tidak jelas punca puncanya dan memerlukan kepada usaha untuk mengetahuinya. Kadang kala ia bermaksud Istinbāt.

---

[100] Ibrahim Mustafa dkk, Op. cit. J. 1 (Cairo: Majma al Lughah al 'Arabiyah, 1960) h. 225.

Ada juga yang berpendapat ia bermaksud melatih dan mengajar.[101]

Dari sudut istilah pula, ulama berpendapat <u>takhrīj</u> ialah penulis <u>hadīth</u> menyebut <u>hadīth</u> berserta sanad sanadnya dalam penulisannya, contohnya <u>hadīth</u> ini diriwayatkan oleh si fulan.[102]

Perkataan اخرجه، خرج، اخرج، التخريج، الاخراج mempunyai maksud yang sama. Al Qāsimī berkata perkataan خرجه atau اخرجه mempunyai makna yang sama ia itu menyebutnya. Manakala perkataan المخرج ialah isim fa'il yang bererti orang yang meriwayatkan contohnya Imam Bukhārī.[103]

Perkataan التخريج ، الاخراج ialah penulis <u>hadīth</u> tahu menyatakan di dalam riwayatnya mengikut sanadnya sendiri yang sama dengan penulis asalnya pada <u>sheikh</u> atau yang lebih tinggi darinya, contohnya Imam Muslim telah menyebut di dalam penulisan penulisannya berserta sanad sanadnya. Kemudian Abū 'Awanah telah menulis <u>hadīth</u> yang sama dengan sanad sanadnya

---

101 Ibn Manzūr, <u>Op. cit</u>, (Beirūt: Dār Sadr, 1955) h. 250.

102 Abī Mohd. 'Abd al Muhdi Ibn 'Abd Qadir, <u>Turūq Takhrīj al Hadīth</u>, (Kahīrah: Dār I'tism, 1987) h. 9.

103 Mohd. Jamal al Dīn al Qāsimī, <u>Qawāid al-Tahdīth Mina Funūn Mustalāh al Hadīth</u>, (Beirūt: Dār al Kutub al 'Ilmiyah, 1979) h. 219.

sendiri yang sama dengan penulis asal pada sheikh atau yang lebih tinggi daripadanya.[104]

Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa takhrij ialah menyebut hadith berserta sanad atau matan hadith di mana ia bertujuan untuk menguatkan sanad atau matan dan secara tidak langsung ia menguatkan hadith yang disusun di dalam Kitab Sahih kerana ia mempunyai penerangan tentang hukum hukum di dalamnya.

Takhrij bertujuan untuk mengetahui punca punca sesebuah hadith dan mutunya samada ia adalah hadith yang diterima atau tidak.[105]

5.2. Faedah faedah Takhrij.

Mutu sesebuah hadith bergantung kepada keadaan perawi-perawinya. Dengan takhrij boleh dikumpulkan perawi perawi sesebuah hadith di mana ia boleh menjelaskan keadaan mereka samada dari segi taraf atau pertambahan yang dibuatnya di dalam hadith hadith tersebut boleh mencacatkannya atau tidak. Bukti bukti ini juga boleh meningkatkan darjat sesebuah hadith,

---

[104] Abi Mohd. 'Abd al Muhdi Ibn 'Abd Qadir, Op. cit. h. 10

contohnya dari ḥadīth *ḍa'īf* kepada ḥadīth *ḥasan*.

*Takhrīj* membolehkan pengkaji mengenal siapa yang mengeluarkan ḥadīth ḥadīth tersebut serta kedudukannya dalam kitab kitab ṣaḥīḥ, samada ia terdapat di dalam hanya di dalam sebuah kitab atau dalam beberapa kitab serta pendapat ulama tentang mutunya.

Urutan sanad sesebuah ḥadīth dapat dinyatakan melalui *takhrīj*. Dengan ini boleh dikesan kecacatannya dan boleh digunakan perkataan perkataan lain untuk menutup kecacatannya seperti dengan menggunakan perkataan " dikhabarkan kepada kami."

*Takhrīj* boleh membongkar kesamaran, kesalahan dan kecuaian yang dilakukan oleh perawi disamping memberi penerangan keatas istilah istilah asing yang terdapat di dalam ḥadīth-ḥadīth, samada dengan menggantikannya dengan perkataan yang lebih senang atau dengan penerangan yang terdapat di dalam ḥadīth itu sendiri.

Kadangkala terdapat percanggahan atau kekurangan pada *matan* ḥadīth kerana perawi lupa sebahagian dari *matan* ḥadīth. Dengan *takhrīj* boleh dibandingkan riwayat ḥadīth tersebut dan boleh diterangkan percanggahannya atau dipastikan tempat yang dilupai oleh perawi.

Takhrij membolehkan pengkaji mengetahui mana, tempat diturunkan sesebuah hadith. Ia juga boleh mengenan kesalahan yang terdapat di dalam penulisan hadith, juga memastikan ianya diriwayatkan secara lafaz.

Terdapat setengah setengah perawi yang tidak menggunakan nama lengkap para sanad hadith. Takhrij membolehkan kita mengetahui nama lengkap mereka.

## 3.3. Kaedah kaedah Mentakhrij Hadith Hadith Hafsah(r. a.).

Bagi mentakhrijkan hadith hadith Hafsah (r.'a.) digunakan beberapa kaedah.

a: Menggunakan buku ذخائر المواريث[105] sebagai sumber rujukan utama untuk menentukan tempat tempat hadith tersebut di dalam sunan Sittah dan penyusunannya. Kitab ini dipilih kerana ia merupakan satu satunya kitab yang menyusun hadith-hadith berpandukan rawi rawi. Cara penyusunannya ringkas tapi amat menyenangkan untuk dijadikan sumber rujukan. Hingga kini sepanjang pengetahuan pengkaji tidak ada kitab yang lebih senang dan lengkap untuk merujuk hadith secara terperinci

---

[105] Huraian lanjut mengenai ذخائر المواريث dan riwayat hidup pengarangnya sila lihat lampiran A.

selain dari kitab ini. Jesteru itu pengkaji menggunakannya untuk mendapatkan himpunan ḥadīth ḥadīth riwayat Ḥafṣah (r.ʻa.) di dalam sunan yang enam.

b: Penyusunan ḥadīth ḥadīth dalam kajian ini berdasarkan kepada kedudukan imam imam tersebut dimana ia didahului oleh Imam Bukhārī diikuti oleh Imam Muslim, Imam Abī Dāwūd, Imam Tirmidhī, Imam Nasāī, Imam Ibn Mājah dan Muwaṭṭa'.

c: Sedikit pembaharuan dibuat oleh pengkaji iaitu membetulkan kesilapan yang terdapat di dalam buku bilamana terdapat percanggahan di dalam keterangan, lafaz, matan ataupun ejaannya. Contoh perbezaan lafaz ialah ialah pada ḥadīth yang diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dari lafaz yang diriwayatkan oleh imam imam lain iaitu pada ḥadīth berikut:

ما شأن الناس قد حلوا ولم تحلل انت من عمرتك فقال اني لبدت
رأسي وقلدت هديي فلا احل حتى انحر

Imam Bukhārī meriwayatkan ḥadīth yang sama dengan lafaz

اخبرته ان النبي صلى الله عليه وسلم امر ازواجه ان يحللن عام حجة
الوداع فقالت حفصة فما يمنعك فقال لبدت راسي و قلدت هديي فلست
احل حتى انحر هديي

Begitu juga Imam Nasāī meriwayatkan ḥadīth yang sama dengan lafaz berikut:

ما شأن الناس حلوا ولم تحل من عمرتك قال اني لبدت رأسي

وقلدت هديي فلا أحل حتى أحل من الحج

Dari segi kesalahan ejaan pula ialah pada lafuz hadith دعاشر المواريث . Di dalam mengikut صلى سبحته قاعدا sunan sittah lafaznya dieja begini صلى سبحته قاعدا

Walaubagaimanapun pengkaji tidaklah menganggap hadith-hadith tersebut berbeza disebabkan rawinya sama ia itu Hafsah Bint 'Umar al Khattab.

d: Di dalam mandapatkan rujukan asal bagi hadith hadith riwayat Hafsah (r.'a.), pengkaji menggunakan SunanSittah[106] sebagai sumber rujukan utama.

3.4. Takhrij Hadith hadith Riwayat Hafsah (r.'a.)

ليؤمن هذا البيت جيش يغزونه وفي رواية سيعوذ بهذا البيت قوم قوم ليس لهم منعة .

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya S. Muslim dalam Kitab: الفتن واشراط الساعة , Bab:

---

106 Huraian lanjut mengenai Sunan Sittah dan riwayat hidup pengarangnya sila lihat lampiran B.

صحيح مسلم, 7: 2209-2210, Bil. H. 2883 بالحجو الذي يوم البيت

dari ʿAmru, Naqd dan Abi ʿUmar. Ḥadith ini juga terdapat dalam Kitab: الحج, dari Husyein Ibn ʿIsa.[107] Ḥadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam S. Nasai dalam Kitab: الحج Bab: حرمة الحرم, 5: 207, dari Muḥammad Ibn Dawud dan Husyein Ibn ʿIsa.

2. كان يجعل يمينه لطعامه وشرابه

Ḥadith ini diriwayatkan oleh Imam Abi Dawud dalam kitab S. Abi Dawud dalam Kitab الطهارة, Bab: كراهية مس الذكر باليمين في الاستبراء, 1: 8, Bil. H. 32 dari Muḥammad Ibn Adam.

3. كان يصوم ثلاثة ايام من الشهر

Ḥadith ini diriwayatkan oleh Imam Abi Dawud dalam kitab S. Abi Dawud dalam Kitab: الصوم, Bab: من قال: الاثنين والخميس 2: 328, Bil. H. 2451 dari Musa Ibn Ismaʿil. Turut meriwayat ḥadith ini ialah Imam Nasai dalam kitabnya S. Nasai dalam dalam Kitab: الصوم, Bab: صوم النبي صلى الله تعالى عليه وسلم 5: 203 dari Zakariyya Ibn Yaḥya.

---

[107] Setakat ini belum ditemui matan ḥadith yang diriwayatkan oleh perawi berkenaan.

4. كان اذا اراد ان يرقد وضع يده اليمنى

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abī Dāwūd dalam kitab S. Abī Dāwūd dalam Kitab: الادب Bab: ما يقال عند النوم 4: 311, Bil. H. 5045 dari Musa Ibn Isma'il.

5. كان يقبل وهو صائم

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya S. Muslim dalam Kitab الصيام , Bab:

بيان ان فى الصوم ليست محرم على من لم يحرك شهوة

2: 778-779, Bil. H. 1107 dari Yuḥyi Ibn Yaḥya, Abī Bakr dan Abi Karyb. Turut meriwayatkan ḥadīth ini ialah Imam Ibn Mājah dalam kitabnya S. Ibn Mājah dalam Kitab: الصيام, Bab:

ما جاء فى القبلة للصائم, 1: 538, Bil. H. 168? dari Abī Bakr dan Ali Ibn Muḥammad.

6. ما شأن الناس حلوا بعمرة ولم تحلل انت من عمرتك

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukharī dalam kitabnya S. Bukharī dalam Kitab: الحج , Bab: فتل القلائد للبدن والبقر 1: 208 dari Musadd dan 'Abd Allāh Ibn Yusof. Ia juga terdapat dalam kitab: اللباس , Bab: تلبيد ,6: 209 dari Isma'il dan di dalam Kitab: المغازى , Bab: حجة الوداع ,5:222 dari Ibrahīm al Mundhir. Imam Muslīm turut meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitab

S. Muslim dalam Kitab: الحج , Bab:
بيان ان القارن لا يتحلل الا فى وقت تحلل الحاج مفرد

2: 903, Bil. H. 1229 dari Yahya Ibn Yahya, Muḥammad Ibn Muthana dan Ibn Abī 'Amru. Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Abī Dāwūd dalam kitabnya S. Abī Dāwūd, dalam Kitab الحج , Bab: فى الاقران , 2: 161, Bil. H. 1806 dari al Qa'ni. Imam Nasāi juga meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya S. Nasāi, dalam Kitab الحج , Bab: تلقيد الهدى dan تلبيد عند الاحرام 5: 172 dan 139, dari Abd Allah Ibn Sa'id dan Muḥammād Ibn Salamah. Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam kitabnya S. Ibn Mājah, dalam Kitab: الحج , Bab: من لبد راسه 2: 1012, Bil. H. 3046 dari Abī Bakr. Ḥadīth ini juga diriwayat oleh imam Mālik dalam Muwatta' dalam Kitab: الحج ما جاء فى النحر فى الحج 1: 394, Bil. H. 180 dari Nafi .

9. كان اذا نودى با الصبح صلى ركعتين خفيفتين

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dalam kitabnya S. Bukhārī dalam Kitab: الصلاة Bab: التطوع بعد المكتوبة الاذان بعد الفجر ركعتان 1: 72, 74, 160 dari 'Abd Allāh Ibn Yusof, Sulaymān Ibn Ḥarb dan Musadd. Ia juga di riwayatkan oleh Imam Muslim dalam Kitabnya S. Muslim dalam Kitab: الصلاة المسافرين وقصرها Bab:
وقت ركعتى الفجر وذكر الاختلاف على النافع

1: 293, dari Aḥmad Ibn ʿAbd Allāh, Qutaybah, Muḥammad Ibn Manṣūr, Muḥammad Ibn Ibrāhīm, Syuʿib Ibn Syuʿib, Isḥak Ibn Manṣur, Hishām Ibn ʿAmmār, Yaḥya Ibn Muḥammad, Muḥammad Ibn ʿAbd Allāh Ibn Ḥakim, ʿAbd Allāh Ibn Isḥāk Muḥammad Ibn Salamat, Ismaʿil Ibn Masʿud, Muḥammad Ibn ʿAbd Allāh Ibn Yazid Isḥak Ibn Ibrāhīm dan Ḥusyein Ibn ʿIsa. Turut meriwayatkan ḥadīth ini ialah Imam Ibn Mājah di dalam kitabnya <u>S. Ibn Mājah</u> dalam Kitab: اقامة الصلاة والسنة فيها Bab: ما جاء في ركعتين قبل الفجر 1: 362, Bil. H. 1145 dari Muḥammad ~~Ibn Ramih~~. Imam Mālik juga meriwayat ḥadīth ḥadīth ini dalam kitabnya <u>Muwaṭṭa</u> dalam Kitab: الصلاة الليل Bab: ما جاء في ركعتين الفجر ,1: 127, Bil. H. 29 dari Nafiʿ.

8. من لم يجمع الصيام قبل الفجر فلا صيام له

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abi Dāwūd dalam kitab <u>S. Abī Dāwūd</u> dalam Kitab: الصوم Bab: النية في الصيام 2: 329, Bil. H. 2426 dari Aḥmad Ibn Ṣāliḥ. Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Tirmidhī dalam kitabnya <u>S. Tirmidhī</u> dalam Kitab: الصوم, Bab: ما جاء لاصيام لمن لم يعزم من الليل 3: 99 Bil. H. 730 dari Isḥak Ibn Manṣur. Imam Nasāi juga meriwayatkan ḥadīth ini dalam Kitabnya <u>S. Nasāi</u>, dalam Kitab: الصيام Bab: النية في الصيام ,4: 196, dari ʿAbd Mālik Ibn Shuʿib, Muḥammad Ibn ʿAbd Allāh Ibn ʿAbd Ḥakim, Aḥmad Ibn ʿAmar, Qāsim Ibn Zakariyyā, Muḥammad Ibn al ʿAla, al Rabiʿ Ibn

Ibn Sulaymān, Zakariyyā Ibn Yaḥya, Muḥammad Ibn Hatim, Isḥāk Ibn Ibrāhim dan 'Aḥmad Ibn Harb. Turut meriwayatkan ḥadīth ialah Imam Ibn Mājah dalam kitabnya S. Ibn Mājah dalam Kitab: الصوم Bab: ما جاء في فرض الصوم من الليل والخيار في الصوم 1: 542, Bil. H. 1700 dari Abi Bakr.

9. خمس من الدواب لاجناح على قتلهن

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dalam kitab S. Bukhārī dalam Kitab: الحج , Bab: ما يقتل المحرم من الدواب 1: 17, dari Asbagh. Imam Muslim turut meriwayat ḥadīth ini dalam kitabnya S. Muslim dalam Kitab الحج , Bab: ما يندب للمحرم وغيره قتل من الدواب في الحل والحرم 2: 959, Bil. H. 1200 dari Harmalah Ibn Yuhyi. Imam Nasāi juga meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya S. Nasāī, dalam Kitab: الحج , Bab: قتل الفارة في المحرم , 5: 210 dari 'Isa Ibn Ibrāhim.

10. في الرويا •

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dalam kitab S. Bukhārī dalam Kitab: رويا , Bab: فضل قيام الليل 2. 61 dari 'Abd Allāh dan Bab: في تعبير الرويا • 9: 40, dari sanad yang sama. Ia juga terdapat dalam Kitāb: مناقب المهاجرين Bab: مناقب عبد الله ابن عمر 5: 30 dari Isḥāk Ibn Naṣr, dalam

Kitab: الصلاة , Bab: الصلاة الليل, 5: 31 dari Yuhyi Ibn Sulayman dan di dalam Kitab: التعبير , Bab: الامن من وذهاب الروح في المنام , 9: 40 dari 'Ubaidillah Ibn Sa id. Imam Muslim juga turut meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya S. Muslim dalam Kitab: فضائل الصحابة , Bab: من فضائل ابن عمر رضي الله عنها 4: 1927-1928, Bil. H. 2479. dari Ishak Ibn Ibrahim dan 'Abd Ibn Hamid. Turut meriwayat hadith ini ialah Imam Ibn Majah dalam kitabnya S. Ibn Majah dalam Kitab : تعبير الرؤيا , Bab: تعبير الرؤيا ,2: 1291 Bil. H. 3919 dari Ibrahim Ibn al Mundhir.

11. على كل محتلم رواح الجمعة

Hadith ini diriwayatkan oleh Abi Dawud dalam kitabnya S. Abi Dawud dalam Kitab : الطهارة , Bab: في الغسل يوم الجمعة 1: 94. Bil. H. 342 dari Yadhib Ibn Khalid. Imam Nasai turut meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya S. Nasai dalam Kitab:[108] الجمعة, Bab: التشديد في التخلف , 2: 89 dari Mahmud Ibn Ghailan.

---

[108] Mengikut ذخائر المواريث , hadith ini berada dalam kitab الطهارة , manakala dalam sunan sittah ia berada dalam Kitab: الجمعة

12.

لقي ابن صياد في بعض طرق المدينة

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam kitab S. Muslim dalam Kitab: الفتن واشراط الساعة , Bab: ابن صائد [109] 4: 2246, Bil.H. 2932, dari ʿAbd Ḥamīd dan Abī Mūsa.

13. كان اخذ مضجعه جعل كفه اليمنى تحت خده الايمن وكان يصوم الاثنين والخميس

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Nasāī dalam kitabnya S.Nasāi dalam Kitab: الصوم , Bab: صوم النبي صلى عليه وسلم بابي هو امي 4: 173, dari Qasim Ibn Zakarīyyā.

14. صلى سبحته قاعدا [110]

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslīm dalam kitabnya S. Muslīm, dalam Kitab: الصلاة المسافرين وقصرها Bab: جواز النافلة قائما وقاعدا وفعل بعض الركعة قائما و بعضها قاعدا 1: 507, Bil. H. 735 dari Yaḥya Ibn Yaḥya. Ia juga diriwayatkan

---

[109] Setakat ini penulis belum menemui matan yang disandarkan kepada Abī Mūsa.

[110] Ejaan mengikut ذخائر المواريث ialah سبحته tetapi mengikut Sunan Sittah ejaannya ialah سبحته

oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya S. Tirmidhi dalam Kitab:

الصلاة , Bab: ما جاء في الرجل يتطوع جالسا ,2: 167,

dari Ishak Ibn Musa. Imam Nasai juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya S. Nasai dalam Kitab : الصلاة , Bab: اسحاق صلاة القاعد في النافلة وذكر الاختلاف على ابي , 4: 223 dari Qutaybah

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Malik dalam kitabnya Muwatta' dalam Kitab: الصلاة الجماعة Bab: ما جاء في الصلاة القاعد في النافلة, 1: 137, Bil. H. 21 dari Ibn Shahab al Zuhri.

15. في صوم عاشوراء

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitabnya S. Nasai dalam Kitab: الصوم , Bab كيف يصوم ثلاثة ايام من كل شهر 4: 220, dari Abi Bakr Ibn Abi Nadir.

16. لايحل لامرأة تؤمن بالله تحد على ميت فوق ثلاث

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya S. Muslim dalam Kitab: الطلاق , Bab: وجوب الاحداد في عدة الوفاة 1; 1126, Bil. H. 1490 dari Yahya Ibn Yahya, Qutaybah dan Muhammad Ibn Ramih. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitabnya S. Nasai dalam Kitab: الطلاق, Bab: المتوفي عنها زوجها ,5: 159, dari Muhammad Ibn Basharah

Imam Ibn Majah turut meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya

S. Ibn Mājah, dalam Kitab: الطلاق , Bab: هل تحد المرأة على غير زوجها , 1: 674, Bil. H. 2086 dari Hanad Ibn Siri. Turut meriwayat hadīth ini ialah Imam Malīk dalam kitabnya Muwaṭṭa' dalam Kitab: الطلاق , Bab: ما جاء في الاحداد 2: 598, Bil. H. 104 dari Nafi'.

17. في فصل من عهد بدرا

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitab S. Ibn Mājah dalam Kitab: زهد , Bab: ذكر البعث , 2: 1431 Bil. H. 4821 dari Abī Bakr.

18. ان مولاة لبني عدي وفيه اني مخبرتك خبرا

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Mālik dalam kitabnya Muwaṭṭa', dalam Kitab: الطلاق , Bab: ما جاء في الخيار 2: 563, Bil. H. 27 dari Ibn Shihāb al Zuhrī.

19. كنت اكتب مصحفا لحفصة

Hadīth ini diriwayat oleh Imam Malīk dalam kitabnya Muwaṭṭa' , dalam Kitab : صلاة الجماعة , Bab: الصلاة الوسطى 1: 139, Bil. H. 26, dari Zaid Ibn Salām.

20. ان حفصة قتلت جارية لها سحرتها

Hadīth ini diriwayat oleh Imam Malīk dalam kitabnya Muwaṭṭa', dalam Kitab: العقول, Bab: ما جاء في الغيلة والسحر 1;871, Bil. H. 14 dari Muḥammad Ibn 'Abd Raḥmān.